



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SESI WALKABOUT PAMERAN KARYA AGUNG – SENI KRAF WARISAN NEGARA DI BORNEO CULTURES MUSEUM

KUCHING, 20 JUN 2025- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) hari ini mengadakan Sesi *Walkabout* bersempena Pameran Karya Agung - Seni Kraf Warisan Negara yang bermula 30 Mei sehingga 25 Julai 2025 di *Borneo Cultures Museum*, Kuching, Sarawak.

Sesi *Walkabout* ini disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Diiringi oleh Yang Berusaha Encik Abdul Halim bin Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Kraftangan Malaysia.

Penganjuran Pameran Karya Agung yang julung kalinya diadakan di *Borneo Cultures Museum* merupakan inisiatif kerajaan sebagai wahana perpaduan bagi memartabatkan seni, budaya, bahasa dan sastera kebangsaan. Pameran ini adalah salah satu usaha untuk mengiktiraf dan memartabat karya Tokoh Kraf Negara (TKN) dan Adiguru Kraf (AGK) yang menjadi tunjang kepada kelestarian industri kraf negara.

Sempena Sesi *Walkabout* ini, tetamu kehormat berkesempatan menyaksikan aktiviti Demonstrasi Kraf yang menampilkan pembuatan kraf Tenunan Pua oleh Puan Bangie anak Embol, Tokoh Kraf Negara. Pameran di *Borneo Cultures Museum* memaparkan 56 koleksi kraf tekstil daripada kehalusan hasil kerja tangan 5 orang Tokoh Kraf Negara dan 20 orang Adiguru Kraf.

Pameran Karya Agung juga turut berlangsung di Muzium Kraf, Kompleks Kraf Kuala Lumpur sehingga 31 Disember 2025 dan Muzium Negara sehingga 30 Jun 2025. -

TAMAT-